

# PM pecah tanah kampus tetap KUTKM

Archival News | Utusan Malaysia | 23/01/2002

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan menyempurnakan Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Durian Tunggal, Alor Gajah, Melaka pada 25 Januari ini.

Menurut kenyataan KUTKM, pemilihan tapak itu dikira sangat sesuai dengan pembangunan sebuah universiti baru memandangkan lokasinya yang strategik iaitu berhampiran lebuhraya Utara-Selatan dan Plaza Tol Ayer Keroh.

Pembangunan universiti itu dijangka akan menjadi pemangkin kepada perkembangan perindustrian dan komersial bagi kawasan setempat dan daerah Alor Gajah.

" Ini bertepatan dengan objektif untuk menjadikan universiti ini sebagai universiti bandar yang dikelilingi oleh industri dan masyarakat," menurut kenyataan itu kepada Utusan, baru-baru ini.

KUTKM yang ditubuhkan pada tahun 2000 itu kini beroperasi di kampus sementara di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh, Melaka.

Bilangan pelajar kolej universiti itu pada masa kini ialah seramai 520 orang dan pengambilan pelajar mengikut fasa pembangunan dijangka menyaksikan KUTKM akan mempunyai 4,000 pelajar pada tahun 2004, 5,500 pelajar pada tahun 2005 dan 10,000 pelajar pada tahun 2010.

Jumlah program peringkat ijazah pertama yang ditawarkan pada masa kini pula ialah lima kursus iaitu ijazah Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri), Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri), Kejuruteraan Mekanikal (Termal Bendalir), Kejuruteraan Pembuatan (Proses dan Sistem Pembuatan) dan Teknologi Maklumat & Komunikasi (Pembangunan Perisian).

Selain itu, terdapat lima kursus peringkat diploma dan sembilan kursus ijazah pertama akan ditawarkan pada sesi pengambilan Mei ini.

Kursus di peringkat diploma ialah Kejuruteraan Elektronik, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Pembuatan dan Teknologi Maklumat & Komunikasi.

Manakala kursus di peringkat ijazah pertama ialah Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri), Kejuruteraan Mekanikal (Struktur Bahan), Kejuruteraan Teknologi Maklumat & Komunikasi dalam bidang pengkhususan Pangkalan Data, Rangkaian Komputer dan Media Interaktif serta Kejuruteraan Pembuatan dalam bidang pengkhususan Kejuruteraan Bahan, Robotik & Automasi dan Pembuatan Pengurusan.

(Source : Utusan Malaysia)